

Penularan COVID-19

Jangkitan di tempat kerja masih lagi kluster utama

Tiga daripada 12 lokaliti jangkitan babitkan institusi pendidikan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Penularan jangkitan COVID-19 di tempat kerja masih lagi kluster utama dikesan Kementerian Kesihatan (KKM) membabitkan 12 daripada 13 kluster dilaporkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata satu lagi kluster dilaporkan membabitkan pusat tahanan di Kelantan.

Beliau berkata, daripada 12 kluster tempat kerja itu, tiga daripadanya iaitu Kluster Taman Koperasi di Kepong, Kuala Lumpur; Kluster Kandi Sungai Besi di Cheras Kuala Lumpur dan Kluster Lebuhraya Karak di Bentong, Pahang membabitkan institusi pendidikan.

"Kluster Taman Koperasi membabitkan daerah Kepong di Kuala Lumpur dengan kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 hari ini (semalam), hasil saringan ber-

dasar sebuah institusi pengajian di Taman Koperasi, Kepong dengan 15 kes dikesan positif COVID-19.

"Kes positif bagi Kluster Kandi Sungai Besi di Cheras Kuala Lumpur pula dikesan pada 28 Januari lalu hasil saringan individu bergejala, membabitkan pelajar di sebuah institusi awam. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti asrama pelajar itu di Sungai Besi.

"Sehingga hari ini (semalam), 10 daripada sejumlah 267 individu disaring dikesan positif COVID-19," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Lebuhraya Karak yang dikesan di Bentong Pahang pula membabitkan kes indeks yang dilaporkan positif COVID-19 kelmarin hasil saringan individu bergejala.

Katanya, kluster itu membabitkan pelajar dan kakitangan institusi pendidikan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Bentong, Pahang dan seramai lapan individu dikesan positif.

"KKM turut mengesan kluster tempat kerja membabitkan pusat jagaan iaitu Kluster Jalan Pulai 55, di Johor Bahru, selepas seorang wanita berusia 20 tahun dilaporkan positif COVID-19 Isnin lalu hasil saringan kemasukan ke wad.

"Kluster itu membabitkan 42

penghuni dan pekerja pusat perlindungan di Jalan Pulai 55, Taman Pulai Utama, Johor Bahru setakat hari ini (semalam).

"Kluster Bandar Lama di Tawau Sabah pula dikesan apabila lelaki berusia 36 tahun dilaporkan positif COVID-19 pada 21 Januari lalu hasil saringan individu bergejala dan kini menjangkiti 24 pekerja di sebuah pusat pentadbiran awam di Jalan Dunlop, Bandar Lama di Tawau," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 4,284 kes positif baharu COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif akibat wabak itu sebanyak 226,912 setakat tengah hari semalam.

Daripada jumlah kes baharu itu, 4,276 kes adalah penularan tempatan dengan 2,618 individu atau 61.2 peratus adalah warganegara dan 1,658 atau 38.8 peratus bukan warganegara, manakala lapan lagi kes import membabitkan tiga rakyat negara ini serta dan lima warga asing.

Beliau berkata, setakat tengah hari semalam, sebanyak 48,309 kes aktif direkodkan.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 1,572 kes atau 36.7 peratus. Daripada jumlah itu, 1,309 kes (83.3 peratus) adalah da-

ripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Johor sebanyak 964 kes (22.5 peratus) dan Kuala Lumpur sebanyak 651 kes (15.2 peratus)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 122 kes atau 2.8 peratus dilaporkan pula berkaitan kluster di lokap, depoh tahanan imigresen, dan penjara membabitkan Kluster Tembok Mempaga (54 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (41 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (14 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (lima kes), Kluster Penjara Seberang Perai (empat kes), Kluster Tembok Taiping (dua kes) dan masing-masing satu kes di Kluster Penjara Jalan Harapan serta Kluster DTI Sepang 2.

Seramai 307 pesakit COVID-19 kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 141 memerlukan bantuan alat pernafasan.

Beliau berkata, KKM merekodkan 18 lagi kematian semalam dengan 17 adalah rakyat tempatan dan seorang warga asing, menjadikan jumlah kumulatif kematian 809 kes atau 0.36 peratus daripada keseluruhan kes direkodkan sehingga kini.

"Kes kematian pada hari ini (semalam) membabitkan lima di Se-



Kluster itu membabitkan pelajar dan kakitangan institusi pendidikan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Bentong, Pahang dan seramai lapan individu dikesan positif.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

langor, masing-masing tiga di Sarawak dan Negeri Sembilan, dua di Perak dan masing-masing satu di Melaka, Kelantan, Kuala Lumpur, Johor, dan Sabah," katanya.

Beliau berkata, semua mangsa berusia antara 31 hingga 93 tahun dan menghidap pelbagai penyakit kronik, manakala kematian membabitkan lelaki berusia 31 di Melaka tidak diketahui latar belakang penyakit berikutan jenazahnya dibawa ke Hospital Alor Gajah.

Selain itu, KKM mencatatkan 3,804 pesakit pulih, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh 177,794 kes atau 78.4 peratus.